

30 DEC 2001

Mahathir-Cuepacs

PEMERIKSAAN PERUBATAN: CUEPACS PERLU LEBIH JELAS, KATA PM

KUALA LUMPUR, 30 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) perlu lebih jelas dalam cadangannya supaya kakitangan awam diwajibkan menjalani pemeriksaan perubatan apabila mencapai umur 40 tahun.

Dr Mahathir berkata cadangan itu perlu dikaji dengan terperinci agar matlamatnya telus, jelas dan mengelakkan kerumitan pada masa depan daripada hanya semata-mata untuk memuaskan hati satu atau dua pihak sahaja.

"Kita kena tahulah, apakah bermakna kalau seseorang itu tidak sihat maka kita berhentikan dia? Kalau kita nak periksa, tentulah yang sihat boleh kerja, yang tidak sihat tidak boleh bekerja."

"Tak tahulah kalau dia (Cuepacs) nak macam tu ke (atau) tidak?," katanya kepada pemberita selepas menghadiri rumah terbuka Aidilfitri Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin di Bandar Tun Hussein Onn di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan yang dibuat oleh Presiden Cuepacs, Datuk N. Siva Subramaniam pada Jumaat lepas bahawa kongres itu akan mengemukakan cadangan kepada kerajaan untuk menjadikan mandatori bagi 900,000 kakitangan awam menjalani pemeriksaan apabila mencapai umur 40 tahun.

Cadangan itu dibuat berdasarkan laporan bahawa hampir 40 peratus rakyat Malaysia menghidapi penyakit diabetes dan jantung.

Siva berkata syarat bagi kakitangan kerajaan awam untuk menjalani pemeriksaan perubatan semasa menyertai perkhidmatan sudah tidak relevan lagi dengan keadaan semasa.

Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Seri Suleiman Mohamed hari ini turut berkata bahawa kementerian akan memberi komitmen penuh terhadap cadangan itu jika kerajaan menyetujuinya.

--BERNAMA

RBZ HK NAK